



Buka peluang sambung pengajian

UMP terima pendaftaran 275 pelajar lepasan diploma ikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pendaftaran 275 pelajar lepasan diploma atau setaraf bagi mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan dan teknologi pada hari pendaftaran pelajar baharu di Dewan Astaka UMP Gambang dan Pekan, semalam.

Mereka terdiri daripada 127 pelajar perempuan dan 148 lelaki yang akan mengikuti pengajian di tiga fakulti di UMP Pekan dan enam fakulti di Kampus Gambang.

Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Dr Mohamad Rozi Hassan berkata, buat pertama kalinya juga UMP Advanced merupakan entiti UMP yang fokus kepada Kemasukan Khas Ambilan Februari ini untuk lepasan diploma atau setaraf bagi program Ijazah Sarjana Muda.

"Ia adalah inisiatif baru hasil saranan daripada pengurusan UMP bagi membuka



Mohamad Rozi Hassan (dua, kanan) bersama pelajar baharu yang mendaftar di UMP Gambang.

laluhan kepada pelajar lepasan diploma atau setaraf mengikuti program pengajian ijazah sarjana muda di universiti ini.

"Lebih menariknya pelajar yang mengikuti program di bawah UMP Advanced ini akan berpeluang mengikuti program khas yang dapat meningkatkan nilai tambah kepada pelajar bagi kebolehpasaran graduan apabila tamat pembelajaran nanti," katanya

pada majlis pendaftaran pelajar baharu, semalam.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dr Jamil Ismail dan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr Muhammad Mat Noor.

Dalam pada itu, UMP bakal menjadi tuan rumah penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Jom Masuk IPT pada 3

hingga 4 Mac 2018 di Kompleks Sukan UMP Gambang.

Bagi pelajar lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Matrikulasi, Diploma dan sebagainya berpeluang berkunjung ke KPTN untuk mendapatkan informasi pengajian tinggi yang sedang berlangsung di seluruh negara.